



KENDERAAN dari Jalan Raja Chulan menghala susur keluar ke Jalan Tun Razak dilencongkan ke jalan yang bertentangan ekoran kerja membaik pulih jalan mendap di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, semalam.

- UTUSAN/NOORADZRENE MOHD. NOOR



SEORANG pekerja binaan menunjukkan tanah mendap yang telah dibaik pulih di hadapan Bangunan LTAT, Kuala Lumpur, semalam.

Sebahagian Jalan Bukit Bintang masih ditutup

KUALA LUMPUR 24 April - Sebahagian Jalan Bukit Bintang di antara Chulan Square dan Menara Worldwide dekat sini masih ditutup kepada semua lalu lintas bermula hari ini berikutan kerja-kerja pengukuhan tanah yang dijalankan sepanjang malam tadi.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik Mass Rapid Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Amir Mahmood Razak berkata, langkah itu ekoran kejadian tanah mendap sedalam empat meter yang

dikesan di bawah laluan pejalan kaki di Jalan Bukit Bintang menghala Jalan Tun Razak berdekatan bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Menara Worldwide.

"Ketika kerja-kerja pembaikan dijalankan di situ satu mendapan kecil dikesan kira-kira satu meter dari lokasi asal.

"Kerja-kerja penurapan kemudian dilakukan dan masih berjalan sehingga kini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sehubungan itu, pengguna jalan raya dinasihat menggunakan laluan alternatif bagi mengelakkan kesesakan jalan raya berikutan kerja-kerja pembaikan yang sedang dijalankan di situ.

Semasa penutupan jalan itu, laluan trafik kontra dilaksanakan dengan kenderaan dari Jalan Bukit Bintang menuju ke Jalan Tun Razak diarahkan ke dua lorong bertentangan.

Antara laluan alternatif yang boleh digunakan ialah dengan melalui Jalan Imbi ke terowong SMART

dan meneruskan perjalanan ke bulatan Kampung Pandan.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* ke lokasi terbabit mendapati, kerja-kerja pembaikan sedang giat dilaksanakan sebelum jalan tersebut diturap semula.

Setakat pukul 5 petang, trafik di laluan tersebut bergerak lancar sambil dikawal oleh polis trafik.

Dalam perkembangan sama, Amir Mahmood turut menafikan khabar angin yang mengatakan

bahawa terdapat kenderaan telah jatuh ke dalam lubang yang terbentuk akibat tanah mendap itu.

"Ada pihak yang menyebarkan gambar lubang benam yang kejadiannya bukan di Malaysia.

"Saya meminta pihak berkenaan agar berhenti daripada menyebarkan berita yang tidak benar dan orang ramai juga dinasihatkan agar menerima maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh pihak MRT Corp.," katanya.